

# RM20 BILION, 12 MOU

## ► Jangkaan pelaburan diterima kerajaan negeri dari China

Oleh SADDAM EDNIS

WB 25 APRIL 2019 AI

**KOTA KINABALU:** Pelaburan mencecah hampir RM20 bilion dijangka akan diperolehi kerajaan negeri melalui 12 memorandum persefahaman (MoU) dengan beberapa syarikat perindustrian dari negara China.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, bagaimanapun, jumlah keseluruhan itu akan diperolehi sekiranya perjanjian antara kedua-dua pihak dapat dijayakan.

“Sudah ada beberapa keputusan dibuat melalui MoU itu melibatkan sektor perindustrian dan pendidikan, cuma saya mahu perjanjian itu ada tindakan susulan.

“Dalam masa terdekat, saya yakin mereka akan nyatakan minat dan menandatangani perjanjian dengan pihak swasta di negeri ini,” katanya ketika sidang media selepas pulang dari mengadakan lawatan kerja di Wilayah Shenzhen dan Jiangxi, China selama tiga hari, di sini pada Rabu.

Dalam pada itu, Shafie meminta Kementerian Perindustrian supaya memantau dari segi prasarana yang ada di negeri ini sekiranya pelaburan antara dua pihak dapat dicapai.

Beliau yakin syarikat perindustrian dari China itu sememangnya menunjukkan minat mendalam memandangkan negeri ini dilihat strategik dan mempunyai bahan mentah yang diperlukan.

“Kita dapati minat mereka ketara untuk melabur di Sabah kerana mereka sudah mengenal pasti lokasi strategik dan mempunyai bahan mentah untuk membuat pembangunan di peringkat Sabah ini.

“Ini sudah pasti bukan hanya menggalakkan pelaburan dari China ke Sabah yang memberi manfaat kepada pendapatan, tetapi juga peluang pekerjaan dapat dijayakan,” katanya.

Selain itu, beliau berkata industri kaca turut dijadikan fokus ketika berlangsungnya MoU antara kedua-dua pihak yang mana sudah mencapai peringkat akhir perbincangan yang dijangka menelan perbelanjaan AS\$1 bilion.

“Kita juga membawa beberapa persatuan perabot di Sabah untuk bertemu sendiri dengan beberapa pemain syarikat kilang perabot yang sudah matang dari China untuk mereka jalinkan kolaborasi.

“Kita yakin ini dapat membantu usahawan kita dalam industri kilang perabot di negeri ini,” katanya.

Tambahnya, aspek pendidikan turut diketengahkan yang membabitkan Universiti Malaysia Sabah bersama syarikat pengeluar telefon pintar terkemuka dari China.

**SHAFIE** (duduk, kanan) ketika sidang media selepas pulang dari mengadakan lawatan kerja di China selama tiga hari. Turut kelihatan Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian Datuk Seri Wilfred Madius Tangau (duduk, kiri).

